

# **Sijil Pengiktirafan International Baccalaureatte (IB) World School-Middle Years Programme (MYPIB)**



Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak mengumumkan sembilan sekolah menengah di negara ini berjaya memperoleh sijil pengiktirafan International Baccalaureatte (IB) World School-middle Years Programme (MYPIB). Labuan harus berbangga kerana salah sebuah sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai, Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis berlangsung pada 19 Julai 2017 bersempena program Cultivating A Thinking Culture – A Show Case betempat di Jabatan Perdana Menteri.

Di bawah pensijilan IB World School sembilan sekolah berkenaan menjadi sebahagian daripada 1,424 sekolah di seluruh dunia yang berpeluang mengikuti model pembelajaran dengan pendekatan MYPIB ke arah menjadikan mereka berfikiran kreatif dan kritis.

Setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga SMK Pantai IBWS dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Sumber Berita : Sahar bin Misron**